



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 20 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI NAIK TARAF JETI, BINA KOMPLEKS Pendaratan IKAN, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	RM7.6 JUTA JUALAN PASAR TANI TAHUN LALU, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	HASIL JUALAN PIKM DI P.PINANG RAIH LEBIH RM2 JUTA, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2022	KOSMO	ONLINE	

MAFI naik taraf jeti, bina kompleks pendaratan ikan



Ronald menyerahkan replika cek berjumlah RM1 juta bagi Projek Titian Nelayan Kampung Keniogan, di sini, hari ini.

SABAH – Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Ikan Malaysia (LKIM) komited dalam memastikan kebajikan semua golongan sasaran sentiasa terbela.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pembinaan titian nelayan di kampung Keniogan, Beluran sekali gus dapat memberikan lebih keselesaan kepada semua penduduk khususnya golongan nelayan memandangkan keadaan titian lama telah usang dan tidak lagi sesuai untuk digunakan.

Menurutnya, titian nelayan tersebut telah siap pada 13 Mac lalu dengan kos keseluruhan bernilai RM1 juta.

“MAFI akan terus melihat keperluan kemudahan asas dan infrastruktur yang diperlukan oleh kampung-kampung nelayan seluruh negara dan akan mendapatkan perhatian Kementerian Kewangan untuk permohonan dana-dana tambahan bagi memastikan semua inisiatif dibawah LKIM diteruskan.

“Kerajaan melalui LKIM juga memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjaga kebajikan serta terus memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan mengurangkan bebanan nelayan,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Selain itu, katanya, bagi membangunkan infrastruktur jeti sedia ada, 18 lagi jeti dan titian di sekitar kampung-kampung nelayan di Beluran turut dalam perancangan LKIM untuk dibaik pulih, dinaik taraf serta bina baharu yang akan memberi kemudahan pendaratan ikan yang lebih baik.

“LKIM juga sedang mengkaji kesesuaian tapak untuk membina sebuah kompleks pendaratan ikan moden di tapak tanah LKIM di Sandakan,” ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan pada tahun ini bagi menyediakan bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, Bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program Food Basket Nelayan. – KOSMO! ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

RM7.6 juta jualan pasar tani tahun lalu



Pasar tani di Pahang mencatat jualan RM7.6 juta hasil aktiviti perniagaan di 18 pasar tani tahun lalu. NSTP/MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatat jualan berjumlah RM7.6 juta hasil aktiviti perniagaan di 18 pasar tani sepanjang tahun lalu.

Pengarahnya, Saiful Sadri, berkata terdapat lima pasar tani kekal dan selebihnya pasar tani mingguan di negeri ini membabitkan lebih 1,000 usahawan

tempatan.

Beliau berkata, pasar tani kekal terletak di Jerantut, Bera, Jengka, Pekan dan FELDA Chini yang menyediakan bangunan termasuk pelbagai kemudahan lain untuk keselesaan peniaga serta pengguna.

Katanya, pelbagai barangan keperluan harian terus dari ladang dengan tawaran harga berpatutan dijual di pasar tani termasuk makanan, sayuran, ikan, daging dan buah-buahan segar.

"Aktiviti jualan di pasar tani agak terganggu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menyebabkan pelbagai pendekatan diambil bagi memastikan operasi pasar tani dapat dilakukan secara berterusan.

"Kita jangka hasil jualan pasar tani tahun ini bertambah apabila semua pasar tani seluruh negeri kini dibuka sepenuhnya," katanya.

Saiful berkata, untuk memeriahkan lagi suasana di pasar tani, FAMA dengan kerjasama jawatankuasa pasar tani mengadakan pelbagai program sepanjang tahun bertujuan menarik lebih ramai pengunjung.

Beliau berkata, sebagai contoh setiap kali Ramadan beberapa pasar tani mengadakan program membuat bubur lambuk, program korban, jualan istimewa dan jualan Aidilfitri.

Katanya, untuk membantu golongan peniaga pasar tani pihaknya kini mengadakan program pemasaran rentas negeri (PRN) bertujuan membantu usahawan agromakanan bangkit semula mengharungi pasca COVID-19.

"Menerusi PRN, usahawan dapat mempromosikan produk keluaran mereka keluar Pahang yang mungkin mendapat permintaan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

"FAMA akan membuka jalan kepada usahawan berniaga di pasar tani di beberapa negeri jiran, dengan membantu mendapatkan tapak sementara di pasar tani sesuai.

"Selain itu, FAMA Pahang juga membuka peluang berniaga kepada usahawan luar Pahang datang berniaga di pasar tani di negeri ini. Beberapa usahawan dari Pulau Pinang dan Melaka sebelum ini sudah menyertai PRN di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang, di sini," katanya.



20 MAR, 2022

Hasil jualan PJKM di P.Pinang raih lebih RM2juta

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Hasil jualan PJKM di P.Pinang raih lebih RM2 juta

GEORGE TOWN: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mencatat hasil jualan sebanyak RM2,010,694.22 sejak Disember hingga semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, PJKM dilaksana di Pulau Pinang sebanyak 71 kali itu turut memberikan manfaat kepada sejumlah 83,568 pengguna dalam tempoh sama.

"Program prihatin pengguna itu dianjurkan sebagai inisiatif untuk bantu meringankan kos sara hidup rakyat Pulau Pinang dan menyasarkan kumpulan isi rumah berpendapatan rendah agar mereka boleh mendapatkan barangan keperluan harian dengan lebih murah.

"Program itu digerakkan secara kerjasama di antara KPDNHEP Pulau Pinang bersama agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAPAS)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Bulan Pengguna Kebangsaan Peringkat Pulau Pinang, di sini semalam.

Sempena sambutan itu, pihak KPDNHEP Pulau Pinang turut menganjurkan PJKM di pekarangan Masjid Al Bukhary, Bandar Baru Sungai Pinang di Jelutong, semalam, yang turut dihadiri Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pulau Pinang, Peter J. Berinus Agang.

Abdul Halim berkata penglibatan pemain industri peruncitan utama di sekitar Pulau Pinang dalam program itu juga sebagai

tanda sokongan menjayakan inisiatif PJKM untuk menangani pergerakan harga barangan yang mencabar kepada pengguna di sini.

Katanya program PJKM juga akan dilanjutkan berikutan mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna dan ia dilaksanakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad di lokasi strategik serta mudah diakses di 13 Parlimen di Pulau Pinang.

"Setakat ini saya difahamkan program ini akan diteruskan kerana mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna dan orang ramai boleh merujuk senarai lokasi PJKM menerusi hantaran di Facebook KPDNHEP Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

Sementara itu, seorang pengunjung Siti Kamariah Ishak, 45, berkata beliau memang sentiasa menunggu PJKM untuk membeli barang keperluan kerana ia lebih murah dan menjimatkan perbelanjaan keluarganya.

"Saya ada lima anak dan memang memerlukan perbelanjaan yang besar tapi boleh kata setiap minggu saya dan suami akan cari PJKM, kadang-kadang kami pergi hingga ke Balik Pulau untuk beli di PJKM kerana harga murah serta berbaloi... setiap bulan boleh jimat RM200 hingga RM300.

"Kami sebagai pembeli harap PJKM ini dapat diteruskan hingga bila-bila kerana dapat berjimat, malah beberapa barang yang tiada di pasaran seperti minyak paket dan telur ayam akan ada dijual di situ dengan harga murah," katanya yang bekerja kilang dan tinggal di Bayan Baru, dekat sini. — Bernama



20 MAR, 2022

Hasil jualan PJKM di P.Pinang raih lebih RM2juta

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

GEORGE TOWN: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mencatat hasil jualan sebanyak RM2,010,694.22 sejak Disember hingga semalam. Pengerusijawatankuasa Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, PJKM dilaksana di Pulau Pinang sebanyak 71 kali itu turut memberikan manfaat kepada sejumlah 83,568 pengguna dalam tempoh sama.